



PENGARAH BESAR
(Director-General)

FELDA
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
(FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY)



SURAT PEKELILING AM BILANGAN 5 TAHUN 2016

JSM: 1410/737/2 Pt.7 (21)
Tarikh: 4 Mei 2016



Pengarah
Pengurus Besar Wilayah
Ketua Unit *Pengurusan Risiko / Integriti*
Pengurus Rancangan/Projek
Pengurus Asrama / Pusat Latihan



**PEMAKAIAN KEMEJA PUTIH BESERTA TALI LEHER
OLEH PEGAWAI LELAKI PADA HARI BEKERJA**

Adalah dimaklumkan bahawa, semua pegawai lelaki gred 41 dan ke atas adalah diwajibkan untuk memakai kemeja putih lengan panjang beserta tali leher pada hari-hari bekerja seperti berikut :-

Hari Bekerja	Pakaian
*Ahad, Isnin, Selasa dan Jumaat	Kemeja Putih lengan panjang beserta tali leher (Jumaat digalakkan berpakaian Baju Melayu set lengkap)
Rabu	Kemeja Korporat Rasmi Putih FELDA
Khamis	Pakaian Batik lengan panjang

* tertakluk kepada hari bekerja di negeri masing-masing

2. Arahan ini juga terpakai untuk semua pegawai lelaki yang berkhidmat di Wilayah tetapi kelonggaran diberikan untuk memakai kemeja putih berlengan pendek. Semua pegawai dan kakitangan yang tidak terlibat dengan arahan ini adalah tertakluk kepada Kod Etika & Tatalaku Petugas FELDA serta arahan-arahan dari semasa ke semasa.

3. Susulan dengan arahan ini juga, pemakaian Kemeja Korporat Rasmi Putih FELDA adalah diwajibkan untuk dipakai pada hari Rabu kepada semua kakitangan FELDA. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 4 Mei 2016.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(DATUK HANAPI SUHADA)

Sah i Nehat
all our efforts
2 steps
fy
12/5/16

s.k.: Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi)
Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)
Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)